

## **Impak Kedatangan Kuasa Kolonial Barat terhadap Geopolitik Malaysia dari Abad ke-15 hingga Abad ke-20**

*The Impact of the Arrival of Western Colonial Powers on Malaysia Geopolitics from the 15th to the 20th Century*

**Siti Radzia Ramlee<sup>1\*</sup> & Ishak Saat<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia  
Email: [vongradzia@gmail.com](mailto:vongradzia@gmail.com), [ishakhj@fsk.upsi.edu.my](mailto:ishakhj@fsk.upsi.edu.my)

**Published:** 15 December 2023

**To cite this article (APA):** Ramlee, S. R., & Saat, I. (2023). Impak Kedatangan Kuasa Kolonial Barat terhadap Geopolitik Malaysia dari Abad ke-15 hingga Abad ke-20. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 93–105. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.8.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.8.2023>

### **Abstrak**

Kajian ini membincangkan impak kuasa kolonial Barat terhadap geopolitik Malaysia dari abad ke-15 hingga abad ke-20. Kolonialisasi Barat di Tanah Melayu bermula dengan kedatangan kuasa Portugis yang berjaya menguasai Melaka pada tahun 1511. Pada tahun 1641, pendudukan ke atas Melaka beralih kepada Belanda apabila berjaya mengalahkan Portugis. Namun, pada tahun 1824, perjanjian Inggeris-Belanda telah dimeterai menyebabkan Melaka diserahkan kepada British. Walau bagaimanapun, penjajahan British di Tanah Melayu telah pun bermula sejak tahun 1786 apabila Francis Light mengambil alih Pulau Pinang. British kemudiannya mengukuhkan kuasa di Semenanjung Tanah Melayu melalui pembentukan Negeri-Negeri Selat (NNS), Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Pendudukan Jepun pada tahun 1942 telah mengganggu kawalan British ke atas Tanah Melayu. Namun pengunduran Jepun pada tahun 1945 menyebabkan Tanah Melayu diambil alih semula oleh British melalui Pentadbiran Tentera British (PTM) seterusnya Malayan Union (MU) dan akhirnya membentuk Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada tahun 1948. Dasar dekolonialisasi Barat dan kesedaran bangsa-bangsa di kawasan Asia-Afrika telah menamatkan penjajahan British di Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 serta merintis jalan kepada pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen ke atas sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Sabah. Selain itu, penyelidikan kepustakaan turut digunakan dengan merujuk kepada sumber sekunder seperti buku dan jurnal di Perpustakaan Tuanku Bainun, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah serta Dewan Bahasa dan Pustaka Kota Kinabalu. Berdasarkan analisis dokumen yang telah diperolehi, dapatan kajian mendapati kedatangan kolonial Barat ke Malaysia sejak abad ke-15 hingga abad ke-20 mempunyai impak signifikan dalam geopolitik Malaysia terutamanya berhubung pertikaian wilayah dengan negara jiran seperti Filipina, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Justeru, kajian ini penting bagi mewujudkan masyarakat yang cakna terhadap isu-isu pertikaian yang dihadapi Malaysia kini.

**Kata kunci:** kesultanan Melaka, Portugis, Belanda, British, geopolitik, Malaysia.

### **Abstract**

*The study discusses the impact of Western colonial powers on the geopolitics of Malaysia from the 15th to the 20th century. The Western colonization of Malaya began with the arrival of the Portuguese, who successfully seized Melaka in 1511. In 1641, Dutch forces took control of Melaka from the Portuguese. However, the Anglo-Dutch Treaty of 1824 resulted in the transfer of Melaka to the British. Nevertheless, British colonization in Malaya had already commenced in 1786 when Francis Light took over Penang. Subsequently, the British strengthened their influence on the Malay Peninsula through the establishment of the Straits Settlements (SS), Federated Malay States (FMS), and Unfederated Malay States (UMS). The Japanese occupation in 1942 disrupted British control over Malaya, but Japan's defeat and withdrawal in 1945 led to the British reclaiming Malaya through the British Military Administration (BMA), followed by the Malayan Union (MU) and ultimately the formation of the Federation of Malaya (FOM) in 1948. The Western decolonization policy and the awareness of nations in the Asia-Africa region ended British colonization in Malaya on August 31, 1957, paving the way for the establishment of Malaysia on September*

16, 1963. This study employs a qualitative approach through document analysis of primary sources obtained from the Archives Sabah. Additionally, a literature review is conducted by referring to secondary sources such as books and journals in the Tuanku Bainun Library, the University Malaysia Sabah Library, and the Dewan Bahasa dan Pustaka Kota Kinabalu. Based on the document analysis, the findings indicate that the arrival of Western colonial powers in Malaysia from the 15th to the 20th century had a significant impact on Malaysia's geopolitics, particularly concerning territorial disputes with neighboring countries such as the Philippines, Indonesia, Singapore, Brunei, and Thailand. Therefore, this study is crucial in fostering a society that is aware of the territorial issues faced by Malaysia today.

**Keywords:** Malacca sultanate, Portuguese, Dutch, British, geopolitics, Malaysia.

## PENGENALAN

Pembentukan Malaysia sangat berkait rapat dengan perluasan kuasa kolonial Barat khususnya pada abad ke-19 dan abad ke-20 iaitu ketika era penjajahan Belanda dan British. Sejarah kedatangan dan polisi kuasa-kuasa Barat secara langsung telah mempengaruhi pembentukan negara ini. Secara umumnya, konsep negara adalah merujuk kepada satu entiti politik yang mempunyai satu kawasan geografi tertentu dan ia didiami oleh satu kumpulan masyarakat atau komuniti manusia yang mempunyai ciri persamaan dalam latar belakang sejarah, bahasa dan budaya. Konsep negara pada hari ini telah mengaplikasikan konsep kawasan geografi yang melibatkan elemen penting iaitu pusat dan sempadan. Namun, permasalahan timbul akibat konsep sempadan yang diguna pakai secara longgar di kawasan daratan kerana ia lebih cenderung diaplikasikan kepada sungai yang telah diperlakukan sebagai sempadan semula jadi. Justeru, keadaan ini yang menjadi punca pertikaian dan perperangan untuk mempertahankan dan memperluaskan kawasan pemerintahan sesebuah negara (Abdullah & Wan Hassan, 2015, p. 58). Oleh itu, persempadanan negara yang ditentukan pada era kolonial Barat adalah kabur atau kurang jelas sehingga menyebabkan berlakunya pertikaian melibatkan tuntutan ke wilayah dalam Malaysia, sekali gus memberi impak terhadap geopolitik negara. Pertikaian wilayah dalam konteks geopolitik bermaksud perbalahan atau ketidaksepakatan mengenai sempadan, atau hak terhadap kawasan tertentu di antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Hal ini melibatkan isu-isu seperti hak nelayan, hak eksplorasi sumber daya alam, atau tuntutan wilayah yang sering berkaitan dengan unsur geografi seperti pulau, sempadan laut, atau kawasan perairan. Dalam kes Malaysia dengan negara jiran seperti pertikaian wilayah Laut China Selatan, faktor geopolitik iaitu kedudukan geografi Malaysia sebagai negara maritim dan kepulauan memainkan peranan penting dalam hubungan serantau.

Malaysia, asalnya terletak di kawasan Kepulauan Alam Melayu. Alam Melayu merupakan kawasan yang merangkumi Semenanjung Tanah Melayu sejauh Tenasserim dan Kepulauan Nicobar di barat, Filipina di utara dan Kepulauan Solomon di luar New Guinea di sebelah timur yang disambungkan bersama pulau-pulau kecil (Wallace, 2022). Sebelum kedatangan kuasa kolonial Barat khususnya British, tiada garis sempadan yang nyata dan tetap di negeri-negeri Melayu. Masyarakat Alam Melayu bebas bergerak dalam kawasan kepulauan ini. Kemunculan Melaka pusat perdagangan entrepot pada abad ke-15 telah menarik pengunjung dalam kalangan pedagang dari seluruh dunia termasuk pedagang dari China, India, Arab, Parsi, termasuklah Eropah. Hal ini membuka ruang kepada kuasa Eropah untuk datang ke Alam Melayu dan menguasai Melaka. Antara kuasa besar Barat yang mula menjajah Melaka ialah Portugis pada tahun 1511, diikuti Belanda pada tahun 1641 dan British pada tahun 1786.

Melaka merupakan petempatan besar pertama di semenanjung Tanah Melayu dan terletak di lokasi yang sangat strategik untuk laluan perkapalan (Liu, Lawrence, Ward, & Abraham, 2002). Hal ini menyumbang kepada perkembangannya sebagai sebuah pelabuhan utama, dipenuhi dengan pendatang dan buruh. Dari pertengahan abad ke-15 dan seterusnya, Melaka bertukar tangan berkali-kali, daripada Portugis kepada Belanda, dan kemudian Inggeris. Sekitar tahun 1819 hingga 1824, berlaku pertikaian antara Inggeris dan Belanda kesan pendudukan Stamford Raffles di Singapura. Ini kerana Belanda mengganggap Singapura berada di bawah naungan mereka, dan pendudukan Raffles tidak mendapat pengiktirafan. Bagi mengelakkan berlakunya perang terbuka, British akhirnya mengadakan rundingan dengan Belanda yang akhirnya membawa kepada temeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Perjanjian ini berjaya menyelesaikan pertikaian antara British dan Belanda, namun meninggalkan kesan besar kepada perpecahan Empayar Johor (merangkumi Singapura, Tanah Besar Johor, Riau dan Lingga). Ini kerana Singapura dan Tanah Besar Johor dikuasai British, manakala Riau dan Lingga diletakkan di bawah pengaruh Belanda. Oleh itu, melalui perjanjian ini, British menguasai semenanjung Tanah Melayu dan Belanda menguasai Kepulauan Sumatera.

Bagi mengukuhkan kuasa British di Tanah Melayu, British mula menyatukan negeri-negeri di Tanah Melayu dengan menubuhkan Negeri-negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Kawalan British ke atas seluruh Semenanjung secara rasminya telah lengkap dengan termeterainya Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Selepas berjaya menguasai seluruh Tanah Melayu, British telah menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 (Rudner, 1976). Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan dari British pada tahun 1957 (Chin, 2011). Kesemua peristiwa sejarah, baik sebelum kedatangan British, semasa pentadbiran British, atau pada masa kini di Malaysia melibatkan Kesultanan Melayu (Husain, et al., 2021). Oleh itu, sejarah Persekutuan Malaysia perlu ditelesuri dari sejarah perkembangan Kesultanan Melayu.

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj yang merupakan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mencadangkan tentang idea pembentukan Malaysia dalam sebuah majlis makan tengah hari bersama persatuan wartawan asing di Hotel Adelphi, Singapura (The Singapore Free Press, 1961, 30 Disember). Beliau mencadangkan agar semua jajahan British di Asia Tenggara merangkumi Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah digabungkan menjadi satu paksi politik. Selepas pelbagai perbincangan dan tindakan, Persekutuan Malaysia akhirnya wujud pada 16 September 1963. Namun pembentukan Malaysia ini mendapat tentangan daripada negara jiran iaitu Indonesia dan Filipina. Tentangan Filipina terhadap pembentukan Malaysia adalah disebabkan tuntutan mereka terhadap Sabah (juga dikenali sebagai Borneo Utara). Hal ini telah mengheret Malaysia ke dalam pertikaian yang tidak berkesudahan sehingga ke hari ini. Indonesia juga menentang pembentukan Malaysia kerana mahu membentuk ‘Indonesia Raya’ iaitu gabungan Tanah Melayu dan Indonesia. Selain tuntutan Filipina, Malaysia turut memiliki pertikaian dengan negara jiran lain seperti Indonesia, Brunei, Singapura dan juga Thailand. Pertikaian ini merupakan impak daripada kedatangan kuasa kolonial Barat khususnya Inggeris dan juga Belanda yang telah mengubah sepenuhnya geopolitik Alam Melayu. Dasar-dasar dan polisi kolonial Barat yang menguasai Alam Melayu kekal memberi impak signifikan terhadap geopolitik Malaysia hari ini.

## LATAR BELAKANG

### Kedatangan Portugis

Pada abad ke-15, hanya terdapat dua Kesultanan Melayu selain Melaka iaitu Pasai dan Aru (Lobato, 2012). Namun, kedua-duanya kawasan Pasai dan Aru ini mempunyai kedudukan yang tidak strategik untuk menarik pedagang asing. Pada tahun 1509, Raja Emmanuel memberi perintah kepada Diego Lopez de Sequeira untuk meluaskan kuasa laut Portugis di luar perairan India dan Afrika (Wilkinson, 1912). Dalam fikiran Raja *Emmanuel*, ia harus menjadi misi diplomatik untuk membuka stesen perdagangan di sepanjang laluan laut dari Teluk Parsi termasuk India, dan menghubungkannya dengan Melaka, seterusnya ke Timur Kepulauan Melayu atau pulau-pulau rempah (Teh, 2019). *Sequeira* telah berlabuh di Melaka pada 1 Ogos 1509. *Sequeira* telah membawa surat daripada Raja *Emmanuel* untuk disampaikan kepada Sultan Melaka iaitu Sultan Mahmud. Beliau meminta izin dari Bendahara Tun Mutahir untuk menyampaikannya bersama-sama dengan hadiah. Sultan Mahmud bersetuju untuk menyambut ketibaan pihak Portugis. Utusan Portugis yang bernama *Teixeira* telah dihantar ke darat dan dibawa menaiki seekor gajah ke istana untuk menemui Bendahara Tun Mutahir. Hal ini mendapat perhatian rakyat jelata sepanjang laluan ke istana. Walau bagaimanapun, *Teixeira* yang diutuskan tidak mengetahui adat budaya Melayu dan tidak mengikuti protokol istana seperti perlu berhenti beberapa kali dan melayan Bendahara seperti kawan-kawannya. Beliau mempersembahkan suratnya dengan kemesraan seorang kelasi yang riang, dan kemudiannya mengikatkan kalung manik di leher Bendahara. Tindakan ini mencetuskan kemarahan rakyat jelata kerana *Teixeira* seolah-olah bersikap biadap kepada golongan istana. Namun, Bendahara hanya menyuruh pengikut-pengikutnya membiarkan tindakan *Teixeira*. Sebaliknya, pengikut-pengikut Bendahara melayan kumpulan *Sequeira* dengan buruk tanpa pengetahuannya. Pedagang India yang bersifat anti-Portugis cuba mempengaruhi pihak istana untuk tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Portugis kerana mereka tahu persaingan perdagangan yang akan berlaku sekiranya Portugis turut berdagang di Melaka. Sebagai perbandingan, Sultan Mahmud dihasut oleh pembesar-pembesar istana yang iri hati kerana pengaruh dan kemewahan yang dimiliki oleh Bendahara. Selain itu, Sultan Mahmud juga tersinggung dengan Bendahara kerana tidak pernah menceritakan kecantikan anak perempuannya Tun Fatimah yang telah berkahwin (Mail

& Tinkong, 2018). Mengikut adat Melayu ketika itu, sebelum Bendahara mengahwinkan anak perempuannya, beliau terlebih dahulu perlu menunjukkan anak perempuannya kepada Sultan (Arifin, 2020).

Bagi pihak Portugis pula, mereka menunggu jawapan mengenai dasar laut Portugis dari pihak istana terlalu lama sehingga bertindak memberi ancaman kepada Melaka. Tanpa pengetahuan Bendahara Tun Mutahir, askar Melaka melepaskan tembakan terhadap kapal *Sequira*. Kapal-kapal Eropah pula dirampas dan ditawan. Namun *Sequira* berjaya melepaskan diri dari ditangkap oleh askar Melaka tetapi terpaksa meninggalkan rakan-rakannya. Sebaik sahaja Raja *Emmanuel* mendengar berita tentang *Sequeira*, Portugis telah menghantar bantuan pada Mac 1510 iaitu tiga kapal di bawah *Diego Mendez de Ysconcelos* untuk membala dendam atas kekalahan Portugis. Kapal-kapal ini berlayar ke India untuk berunding dengan *Alfonso d'Albuquerque* iaitu komander tentera laut Portugis bagi tindakan seterusnya. Walaupun tindakan menyerang Portugis dan kapal-kapal Eropah di luar pengetahuan Bendahara, beliau perlu bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku (Winstedt, 1932). Nina Sura Dewana, Raja Mandaliar, dan Si Kitul, musuh Bendahara Tun Mutahir menggunakan keadaan ini sebagai peluang untuk memusnahkan Bendahara. Maka, mereka merasauh Laksamana Khoja Hassan untuk memberitahu Sultan Mahmud tentang khabar angin bahawa Bendahara cuba merampas takhtanya. Sultan Mahmud murka dengan berita yang mengejut itu. Tanpa siasatan awal, baginda mengarahkan hukuman mati dilaksanakan terhadap Bendahara dan ahli keluarganya termasuk Tun Ali, suami Tun Fatimah. Semuanya dihukum bunuh kecuali Tun Fatimah yang masih diminati Sultan. Sultan tidak lama kemudian mengambil Tun Fatimah sebagai isterinya. Ketiga-tiga musuh Bendahara iaitu Nina Sura Dewana, Raja Mandaliar, dan Si Kitul dihukum bunuh oleh Sultan selepas isterinya, Tun Fatimah mengetuai siasatan untuk membala dendam ke atas kematian bapanya. Siasatan itu membawa kepada penemuan bahawa ketiga-tiga lelaki ini terlibat dalam rasuah dan konspirasi untuk menghapuskan Bendahara. Manakala anak perempuannya telah dibawa ke istana. Harta Bendahara telah digunakan untuk perbelanjaan majlis perkahwinan puteri Sultan dengan putera Sultan Pahang. Namun begitu, kegembiraan Sultan Melaka tidak lama apabila munculnya armada Portugis yang tidak dijangka di bawah pimpinan *Alfonso d'Albuquerque* yang tiba dengan 19 buah kapal, 800 askar Eropah dan 600 askar India dengan bunyi dan bendera perang serta menembak senjata api disekitar pelabuhan dan bandar Melaka. Kapal-kapal dari China dan India cuba melarikan diri tetapi berjaya dihalang oleh pasukan *d'Albuquerque* yang menunjukkan tanda persahabatan. Mereka kemudian ditawarkan untuk menyertai *d'Albuquerque* dalam serangan ke atas Melaka tetapi ditolak dengan ucapan terima kasih.

Rentetan itu, Sultan menghantar utusan untuk menyambut *d'Albuquerque* dan memaklumkan bahawa Bendahara yang menghasut serangan ke atas *Sequira* telah dihukum bunuh atas semua yang telah dilakukannya. Tanpa pengetahuan Sultan, *d'Albuquerque* telah berjaya berhubung secara rahsia dengan *Ruy d'Aranjo* yang merupakan ketua dalam kalangan tawanan dan rakan peribadinya sendiri. *Ruy d'Aranjo* menyampaikan mesej mengenai perpecahan politik yang berlaku di Melaka dan menasihati Portugis untuk melancarkan serangan dan meruntuhkan jambatan di Sungai Melaka (McRoberts, 1984). Portugis telah melepaskan beberapa tembakan menghala ke arah ke bandar dan berjaya membebaskan *Ruy d'Aranjo*. Apabila kedudukan Portugis semakin kuat, *d'Albuquerque* menyampaikan kemahuan Portugis untuk membuka pengkalan di Melaka dan Sultan membayar pampasan yang besar terhadap serangan ke atas *Squiera*. Sultan bersetuju memberi keizinan Portugis membina pengkalan tetapi menolak untuk membayar pampasan yang diminta. Selain itu, Melaka turut terlibat dalam peperangan saudara di Pasai sejak 1510. Kedatangan Portugis turut menambah masalah kepada Sultan. Namun, anak lelaki Sultan iaitu Putera Alaedin yang disokong oleh Putera Pahang dan rakyat memilih untuk berperang. Apabila permintaannya ditolak oleh Sultan, *d'Albuquerque* bersiap untuk berperang menggantikan kerajaan Melaka dan memastikan pedagang-pedagang asing tidak diganggu terutamanya pedagang Jawa dan India. Serangan pertama dilakukan oleh Portugis melalui Sungai, namun berjaya dipatahkan oleh pasukan tentera Melaka yang diketuai oleh Putera Alaedin. Kemudian, tentera Portugis menyerang istana dan masjid. Tindakan ini mendorong rakyat biasa untuk turut menyerang Portugis. Seramai 60 orang tentera Portugis telah meninggal dunia pada hari pertama. Pada hari kedua iaitu 24 Julai 1511, serangan besar-besaran dilakukan oleh Portugis dengan berpakaian baju besi. Manakala tentera Melaka menggunakan panah beracun dan bersembuni di dalam bangunan. Baju besi yang dipakai oleh tentera Portugis berjaya menahan panah beracun, namun melemahkan Portugis kerana berat dan panas pada siang hari. Tentera Portugis akhirnya membakar bangunan yang menjadi tempat perlindungan tentera Melaka sehingga menyebabkan Putera Alaedin dan askar Melaka terpaksa berundur. Pada hari ketiga, tentera Portugis kembali lagi menyerang bangunan perlindungan askar Melaka, namun tiada sebarang penentangan dari tentera Melaka. Ini kerana Putera Alaedin menunggu tentera Portugis di Pagoh dan Putera Pahang telah kembali ke negerinya. Sultan Mahmud Syah dan ahli keluarganya melarikan

diri ke Ujong Tanah (Johor) sehingga ke Bentan dan Kampar. Walaupun berjaya menguasai Melaka, kerajaan China pada zaman Dinasti Ming tidak mengiktiraf Portugis dan melabel Portugis sebagai perompak di kawasan pantai China (Kheng, 2012). Oleh sebab ini, China telah melarang perdagangan dengan Portugis dan memenjarakan semua pegawai Portugis termasuk dutanya yang berada di China.

Setelah kemangkatan Sultan Mahmud pada tahun 1528 di Kampar, Raja Ali iaitu putera Sultan Mahmud dan isterinya Tun Fatimah kemudiannya telah dimasyurkan sebagai sultan yang memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Sebelum kemangkatan Sultan Mahmud, baginda telah melakukan beberapa percubaan untuk menyerang Portugis di Melaka sehinggalah baginda melarikan diri ke Kampar akibat serangan balas Portugis. Sultan Alauddin Riayat Shah II seterusnya telah mengasaskan Kesultanan Johor-Riau. Menjelang tahun 1602, muncul kuasa Belanda yang menyaingi kuasa Portugis di Selat Melaka. Tindakan Belanda ini berpunca daripada keinginannya untuk memonopoli perdagangan, khususnya rempah ratus di Selat Melaka. Oleh itu, pada tahun 1606, satu perjanjian telah dikemukakan oleh Laksamana *Matelieff de Jonge* untuk menyerang Portugis, namun dibatalkan kerana Portugis telah menerima bantuan lebih awal dari Goa. Johor kemudiannya menyertai Belanda untuk menyerang Portugis dalam usaha memerangi Portugis sehinggalah kejatuhannya pada 24 Disember 1640 dan Melaka diserahkan kepada Belanda pada Januari 1941.

### Kedatangan Belanda

Pada tahun 1602, pelbagai entiti komersial dan pelabur-pelabur Belanda membentuk struktur korporat dalam Syarikat India Timur Belanda (Vereenigde Oostindische Compagnie atau VOC), di bawah kawalan kerajaan Belanda terhadap enam bandar perdagangan terpenting ketika itu untuk mengurangkan bahaya dan memberi keuntungan (Azad, 2009). VOC mempunyai kira-kira lapan kali lebih banyak modal dan kira-kira empat kali lebih banyak kapal berbanding Syarikat India Timur Inggeris (SHTI) (Ballard, 1926). Sebahagian ahli sejarah melihat ini sebagai langkah pertama atau strategi Belanda untuk memonopoli perdagangan rempah di antara Asia dan Eropah. Pada peringkat awal, VOC tidak memberi dividen kepada pemilik-pemilik saham bagi membentuk armada yang kuat melawan Portugis di wilayah Asia Tenggara. Selari dengan penubuhan dan perkembangannya di Timur, VOC memperluaskan konsep monopoli untuk menerima sebanyak mungkin perdagangan Asia yang boleh dikuasainya (Arasaratnam, 1973). Ia membangunkan dasar awal untuk memperoleh monopoli komoditi utama tertentu perdagangan Asia dengan mengawal kawasan pengeluaran dan bekalan. Tidak lama kemudian, VOC mengisyiharkan monopoli ke atas keseluruhan perdagangan laut bagi kawasan perdagangan tertentu berdasarkan penaklukan, kontrak yang dikuatkuasakan, dan penguasaan tentera laut. Oleh itu, monopoli rapat perdagangan Eropah-Asia dan kawasan besar perdagangan antara Asia membentuk dasar komersialnya dalam dua abad kewujudannya. Melalui tempoh ini, tenaga dan usaha VOC sebahagian besarnya ditujukan kepada pemerolehan dan penyelenggaraan sistem monopoli melibatkan banyak pihak. Dasar dan amalan monopoli dalam perdagangan menguasai pemikiran dan aktiviti syarikat di semua peringkat operasi.

Menjelang awal 1600-an, laksamana Belanda menyedari bahawa Selat Singapura dan Melaka merupakan titik kelemahan empayar Portugis yang berpusat di India (Borschberg, 2013). Mereka membuat kesimpulan bahawa, jika seseorang dapat menguasai Selat Melaka, komunikasi strategik dan perdagangan antara pelabuhan-pelabuhan yang jauh dari India boleh diputuskan. Ini akan menghalang Portugis daripada mengutip hasil cukai yang diperlukan untuk mengekalkan penglibatan politik-tentera mereka di seluruh Asia. Selat Melaka serta kawasan sekitarnya di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera yang dikuasai Portugis muncul sebagai salah satu tempat sasaran pilihan VOC. Kejatuhan Malaka setelah diserang Portugis pada awal abad ke-16 telah mengubah jalan perdagangan rempah-ratus di Timur iaitu ke Maluku di Ternate dan Ambon melibatkan pedagang Portugis, Inggeris, Belanda, India, dan Jepun (Buduroh & Susamto, 2022). Pada Februari 1603, Laksamana *Jakob van Heemskerk* di bawah pengawasan dan kerjasama dari Sultan Johor iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah III telah merampas kapal pedagang Portugis yang dinamakan Santa Catarina di Selat Singapura. Insiden ini telah dibawa ke Mahkamah Hadiah (Prize Court) dan keputusan mahkamah mendapati Laksamana Jakob tidak bersalah kerana beliau telah mendapat keizinan dari Sultan Johor di mana insiden berlaku dikawasan pemerintahan kerajaan Johor (Thornton, 2004). VOC telah membina pengkalan di Ambon sejak 1605 dan dari sana mereka meluaskan pengaruh mereka di Nusantara (Meilink-Roelofsz, 1969).

Pada tahun 1606, Laksamana *Cornelis Matelief* telah mengepung bandar Melaka tetapi gagal apabila Portugis mendapat bantuan dari Goa, India (Leupe, 1936). Percubaan kedua dilakukan oleh *Pieter*

*Willemz* pada tahun 1608 tetapi sekali lagi gagal. Percubaan lain dibuat antara tahun 1623-1627 tetapi tetap gagal. Selepas itu, hanya beberapa buah kapal perang yang dihantar sekali-sekala ke Selat Melaka untuk mengganggu Portugis sebanyak mungkin sehingga peluang yang lebih baik akan muncul untuk membolehkan mereka menawan Melaka. Pihak VOC di Batavia (Jakarta) membuat tawaran kepada Sultan Acheh dan Sultan Johor untuk membantu mereka dari aspek perkapalan dan tentera untuk menawan Melaka. Pada 1641, Jeneral Belanda merasuah Gabenor Portugis di Melaka untuk menyerahkan Melaka kepada mereka dengan janji kosong. Tentera Belanda berjaya menyusup masuk ke kota Melaka melalui bawah tembok kota. Tentera Portugis, yang tidak mengetahui apa-apa tentang pengkhianatan itu telah dikepung dan dibunuh termasuk Gabenor Portugis yang khianat itu. Tidak lama selepas berjaya menawan Melaka pada tahun 1641, Belanda menyedari bahawa pelabuhan Melaka tidak menarik secara komersial seperti yang disangkakan sebelum ini (Hing, 1996). Pada masa ini VOC sedang membina pengkalan di Batavia (Jakarta) yang lebih baik untuk berkembang ke kawasan ekonomi yang lebih menguntungkan di Jawa dan pulau-pulau di timur Indonesia. Oleh itu, VOC mengambil keputusan untuk membangunkan Batavia daripada Melaka sebagai pusat utama Belanda di Kepulauan Melayu. Peranan Melaka telah disekat oleh VOC untuk memastikan Melaka tidak menyaangi Batavia. Contohnya, VOC memutuskan bahawa kapal-kapal China tidak dibenarkan berdagang di Melaka dan perlu berdagang di Batavia. Namun begitu, VOC terus mentadbir Melaka kerana mendapat bekalan bijih timah dari Perak yang mendapat permintaan tinggi di Batavia.

Pada tahun 1642, VOC mengadakan perjanjian dengan Sultan Kedah untuk menjual separuh dari hasil bijih timah dengan harga yang rendah, namun tidak dipenuhi oleh Sultan Kedah. Pada masa yang sama, Kedah juga ditawarkan perlindungan oleh kerajaan Siam tetapi perlu menghantar separuh dari rakyatnya ke Ayuthia, ibukota Siam. Sultan Kedah menolak tawaran ini. Pada tahun 1650, VOC mengadakan perjanjian dengan kerajaan Perak di mana kerajaan memberikan kepada Syarikat separuh daripada hasil bijih timah pada kadar 31 rial Sepanyol sebanyak lapan per bahar daripada 3 pikul (Coolhaas, 1965). Raja membenarkan Belanda menduduki sebuah pengkalan, tetapi pada tahun 1651, kebanyakan orang Belanda yang tinggal di sana telah dibunuh.

Pada tahun 1655, kontrak baru telah dilaksanakan. Belanda menganggap terlalu berisiko untuk menetap di Perak, dan pada tahun 1656 sekatan terhadap Perak dilakukan. Pada bulan Oktober 1659, kedua-dua pihak akhirnya mencapai persetujuan yang lebih baik. Belanda akan menetap di Perak dan mereka mungkin memotong sebahagian daripada harga timah sebagai bayaran denda 50000 rial [satu rial = tiga gulden Belanda] yang Sultan perlu bayar sebagai pampasan pembunuhan pegawai Belanda. Rundingan ini menemui jalan buntu. Pada tahun 1663, rundingan dilakukan sekali lagi. VOC bersedia untuk membaikpulih pengkalan di Perak, mengurangkan jumlah pampasan, dan harga bijih timah dinaikkan. Sebagai gantinya, VOC boleh menempatkan kapalnya di muara Sungai Perak dan jualan bijih timah dilakukan secara kredit. Rundingan ini berjaya dan seterusnya memberi kesan sebanyak 738 bahar bijih timah telah dibawa ke Melaka.

## Kedatangan British

Pulau Pinang berkembang sebagai pelabuhan perdagangan yang dikuasai oleh orang Eropah selepas ketibaan *Francis Light* pada tahun 1786 (Musa & Feng, 2016). Apabila *Francis Light* mengambil alih Pulau Pinang atas nama *Raja George III* pada 11 Ogos, 1786, ia menandakan apa yang pada masa itu dianggap sebagai hasil usaha SHTI yang telah lama mencari pengkalan tentera laut dan komersial di Asia Tenggara (Bonney, 1965). Pulau Pinang, kemudiannya dinamakan *Pulau Prince of Wales* dan ditukar kepada Georgetown sempena nama *Raja George III* (Chai, 2011). Pada tahun 1800, Sultan Kedah menyerahkan sebidang tanah di tanah besar di seberang saluran yang dinamakan *Light* sebagai *Province Wellesley* (Seberang Perai). Motif pengambilan Pulau Pinang oleh Light adalah untuk menubuhkan sebuah pangkalan tentera laut Inggeris sebagai pusat operasi menentang pasukan Perancis atau Belanda berdasarkan *Ile de France* dan *Bourbon* serta angkatan Belanda di Cape, Trikomali, dan Jawa (Cowan, 2021). Walau bagaimanapun, British berjaya mengalahkan tentera laut Perancis dan Sepanyol dalam Pertempuran Trafalgar pada tahun 1805 serta mengambil kembali kapal laut British yang telah dirampas di luar perairan Eropah (Taylor, 1950). Sejak itu, kepentingan Pulau Pinang sebagai pangkalan tentera laut untuk menjaga keselamatan British mula lemah. Kos yang diperlukan untuk menyelenggara operasi tentera dan menyediakan fasiliti untuk pedagang persendirian tidak membawa keuntungan yang ketara kepada British.

Pada tahun 1795, empayar Belanda mula mengalami kemerosotan akibat perperangan dengan Perancis (Dobby, 1939). British telah menempatkan residennya di kubu Melaka yang ditadbir oleh Belanda dengan alasan untuk mengekang kemaraan Perancis (Irwin, 1956). Apabila Perancis mengalami kekalahan, Melaka kembali dikuasai oleh Belanda. Selain itu, British juga telah berjaya membendung pengaruh Belanda di Asia Tenggara pada tahun 1810-1816. Kesannya, Pulau Pinang mengalami pertumbuhan dalam sektor ekonomi kerana kepentingannya sebagai pangkalan tentera laut British telah lemah. Perubahan politik di Eropah juga mempengaruhi Pulau Pinang di mana perdagangan lada, kopi, kapas, dan herba juga turut gagal mendapat kejayaan yang besar.

Pada tahun 1824, British mengadakan Perjanjian London dengan Belanda di mana British menguasai Semenanjung Tanah Melayu, manakala Belanda menguasai kepulauan Sumatera (Swastiwi, Gunawan, & Yahya, 2022). Pulau Pinang, Melaka, dan Singapura telah disatukan pada tahun 1826 untuk membentuk Negeri-negeri Selat yang terus menjadi tanah jajahan British di mana residennya melaporkan ke Calcutta sehingga 1867, dan selepas itu terus ke London (Williamson, 2015; Turnbull, 1970). Pada tahun 1874, pihak British memihak kepada Raja Abdullah dan telah menurunkan Sultan Ismail ke jawatan Sultan Muda (Kim, 1983). Raja Abdullah menerima Residen British dan menaiki takhta. Pada tahun yang sama, British dan Sultan Abdullah menandatangani Perjanjian Pangkor 1874 yang telah menambah keluasan jajahan British sebanyak 25 batu persegi dan menempatkan residen di Perak (Skinner, 1882). Setahun kemudian, Residen British pertama (J.W.W. Birch) telah dibunuh di Pasir Salak. British mempercayai bahawa Sultan Abdullah telah terlibat dan membuangnya ke Seychelles. Oleh itu, British telah dua kali (pada tahun 1874 dan 1877) menggunakan kuasa berdaulat yang tidak dimiliki oleh mereka. Kemudian pada tahun yang sama, kuasa British telah diperluaskan ke Selangor dan Sungai Ujung, dan pada tahun 1888 ke Pahang (Raja, 2015). Pada Julai 1895, British telah membentuk Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang (Lim, 1977). Persekutuan ini bertahan sehingga Tanah Melayu ditawan oleh Jepun pada tahun 1941. Kawalan British ke atas seluruh Semenanjung secara rasminya telah lengkap dengan termeterainya Perjanjian Inggeris-Siam 1909 yang memindahkan kuasa kepada negeri-negeri yang masih tidak bersekutu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu dari Siam kepada British (Fook-Seng, 1972).

Di Borneo, persaingan kuasa antara British dan Belanda bermula apabila Belanda berjaya mendapat konsesi daripada Sultan Jawa yang mempunyai kuasa nominal ke atas wilayah tersebut dan menubuhkan pelabuhan perdagangannya di pantai Barat pada tahun 1604. British pula menumpukan perhatian di bahagian utara Kepulauan Borneo sekitar tahun 1606. Pada masa yang sama, kebangkitan Singapura meningkatkan perdagangan dengan Sarawak dan Brunei. Sarawak diserahkan kepada *James Brooke* (pegawai pesara tentera) pada tahun 1841, manakala Brunei diletakkan di bawah perlindungan British (British protectorate) pada tahun 1888. Borneo Utara (Sabah) diperoleh melalui perjanjian penyerahan kepada *Baron von Overbeck* oleh Sultan Brunei melalui Perjanjian 1877 dan Perjanjian Penyerahan 1878 oleh Sultan Sulu. Oleh kerana kekangan kewangan, *Overbeck* menjual hak dan sahamnya kepada *Alfred Dent* yang kemudiannya menubuhkan Syarikat British Utara Borneo (SBUB). Syarikat menerima piagam pada tahun 1881 menjadi Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB). Seperti Brunei, Borneo Utara juga diletakkan di bawah perlindungan British pada tahun 1888, namun pentadbirannya masih di bawah kawalan SBUB (Kennedy, 1945). Selain mendapat bantahan daripada Belanda, British juga menerima bantahan daripada Sepanyol yang mempertikaikan hak wilayah Sulu di pantai timur Borneo Utara. Sepanyol memberi alasan bahawa Sultan Sulu turut mengadakan perjanjian bersama Sepanyol yang menyerahkan kawasan merangkumi Kepulauan Sulu termasuk Borneo Utara pada tahun 1878. British berpendapat bahawa perjanjian tersebut tidak sah sebaliknya Sultan Sulu menerima tekanan daripada Sepanyol. Oleh itu, bagi meredakan konflik yang berlaku antara kedua-dua kuasa kolonial ini, akhirnya satu perjanjian telah dimeterai iaitu Protokol Madrid 1885 yang membolehkan British menguasai Borneo Utara tanpa bantahan dari mana-mana kuasa asing yang lain (Sulaiman & Bala, 2019).

## SOROTAN LITERATUR

Kedatangan kuasa kolonial ke Malaysia mempunyai impak yang mendalam terhadap pembentukan negara ini sepanjang kurun ke-15 hingga ke-20. Selepas tamatnya kolonialisasi Barat di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dan tertubuhnya Malaysia, banyak kajian yang telah dilakukan untuk meneliti impak kedatangan kuasa kolonial. Ini kerana walaupun Malaysia telah bebas daripada cengkaman penjajah, dasar-dasar

penjajah masih membelenggu Malaysia. Antara isu yang paling jelas ialah isu berkaitan pertikaian wilayah yang dihadapi oleh Malaysia dan negara jiran seperti Filipina, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Perjanjian yang dimeterai antara kuasa kolonial Barat semasa era penjajahan hanya menyelesaikan pertikaian ketika itu, namun ia membangkitkan pertikaian baru dalam kalangan negara-negara bekas jajahan. Oleh itu, kajian literatur ini akan merungkai penyelidikan yang telah dijalankan berkenaan impak kedatangan kuasa kolonial Barat terhadap Malaysia.

Lasmi dan Ishak (2023) dalam kajian bertajuk *Implikasi Perjanjian London 1824 Terhadap Persempadanan dan Ekonomi Pulau Sebatik* mendapati perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah memberi implikasi besar iaitu pembahagian Kepulauan Melayu kepada dua lingkungan pengaruh iaitu pengaruh British dan pengaruh Belanda. Perpecahan ini melibatkan Empayar Johor-Riau di mana Singapura dan Johor telah diletakkan di bawah pengaruh British manakala Riau di bawah pengaruh Belanda. Keadaan ini telah meninggalkan kesan ke atas Malaysia terutamanya berkait isu persempadanan dan ekonomi dengan Indonesia. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya memfokuskan kesan Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 selain skop lokasi kajian tertumpu kepada Pulau Sebatik, tetapi tidak menyentuh impak secara menyeluruh Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 terhadap geopolitik Malaysia.

Muhammad Aslah, Azharudin dan Salina (2023) juga telah melakukan penyelidikan berkaitan isu pertikaian kuasa dan lingkungan pengaruh antara Belanda dan British di Hindia Timur. Penyelidikan ini merangkumi skop masa dari Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 hingga Perjanjian Inggeris Belanda 1824 di mana kemuncak pertikaian adalah disebabkan pertapakan British di Singapura. Penyelidikan ini hanya mengambil kira impak perjanjian pada ketika itu di mana Perjanjian 1824 telah berjaya menamatkan pertikaian antara kedua-dua British dan Belanda. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini pula adalah kesinambungan daripada Perjanjian 1824 dan impaknya terhadap Malaysia pada hari ini khususnya dalam aspek geopolitik.

Nurdyawati dan Adnan (2021) dalam penyelidikan yang bertajuk *Kesan Pemerintahan Kolonial Terhadap Kegiatan Ekonomi Masyarakat Melaka Hingga Era Kemerdekaan* mendapati bahawa pemerintahan Kolonial telah membawa perubahan besar terhadap corak ekonomi di Tanah Melayu. Corak tersebut merujuk kepada ekonomi dualisme iaitu mengekalkan ekonomi tradisional dan pada masa yang sama memperkenalkan ekonomi komersil. Walau bagaimanapun berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada kesan sebelum kemerdekaan Tanah Melayu selain skop kajian hanya tertumpu di Melaka.

Penyelidikan yang dilakukan Nur Hafizah dan Adnan (2023) adalah tentang perkembangan perlombongan bijih timah di Selangor dari tahun 1901 sehingga 1951. Pengkaji mendapati bahawa perkembangan perlombongan bijih timah telah memberikan impak positif kepada negeri Selangor kerana menjadi pengeluar utama di pasaran dunia. Impak perkembangan perlombongan di Selangor telah membawa masuk pelabur-pelabur Negeri-Negeri Selat (NNS) pemodal Eropah serta pelombong cina. Hal ini menyebabkan berlaku perubahan dalam aspek penggunaan teknologi melombong serta hasil pengeluaran sehingga membawa kepada peningkatan kadar upah, khususnya bagi orang Cina. Sistem pengangkutan dan perhubungan juga bertambah baik melalui pembinaan jalan raya, landasan kereta api, penubuhan Jabatan Kerja Awam, pelabuhan, sistem telekomunikasi serta perkhidmatan pos.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian lain seperti kesan kolonialisasi dalam sistem undang-undang, persuratan dan ilmu. Misalnya, kajian Mohamad Saleeh (2009) yang melakukan penyelidikan terhadap kesan pengaruh Barat dalam persuratan Melayu. Justeru, berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, masih kurang lagi penyelidikan yang dilakukan mengenai impak kedatangan kolonial Barat terhadap geopolitik Malaysia secara menyeluruh. Salah satu polisi kolonial Barat yang memberi impak kepada Malaysia sehingga ke hari ini adalah polisi mengadakan perjanjian dalam penyelesaian antara kuasa-kuasa kolonial. Justeru perjanjian, triti atau protokol yang wujud semasa era kolonial Barat ini perlu diteliti untuk memahami sejarah geopolitik Malaysia. Antara isu geopolitik yang masih wujud kesan penjajahan kuasa kolonial Barat adalah berkaitan pertikaian wilayah (*territorial disputes*).

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara cawangan negeri Sabah. Pengkaji juga telah memperoleh bahan akhbar daripada National Library Singapore (NLB) yang menyimpan keratan akhbar lama dalam bentuk digital. Selain itu,

pengkaji juga melakukan penyelidikan kepustaakaan dengan merujuk sumber skunder seperti buku dan jurnal yang terdapat di Perpustakaan Tuanku Bainun, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah serta Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Kota Kinabalu.

## PERBINCANGAN

Latar belakang kedatangan kolonialisasi Barat banyak meninggalkan kesan terhadap Malaysia pada hari ini meliputi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial, ilmu dan budaya. Pada dasarnya kebanyakan pengkaji sejarah lebih tertumpu untuk mengkaji kesan-kesan terhadap aspek yang disebutkan. Namun kajian sejarah mengenai impak kolonial Barat terhadap geopolitik Malaysia pada hari ini masih kurang diberi tumpuan. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan, dasar dan polisi kolonial Barat telah memberi impak terhadap geopolitik Malaysia sejak abad ke-15 hingga abad ke-20 khususnya selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Perjanjian ini pada dasarnya telah membentuk geopolitik dan geofizikal Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan sejarah Alam Melayu, kedua-dua negara ini terletak di dalam lingkungan pengaruh empayar Srivijaya, empayar Melaka dan empayar Johor-Riau. Namun, kedatangan kuasa kolonial Barat, khususnya Belanda dan British telah membawa kepada perpecahan Alam Melayu kepada dua lingkungan pengaruh seterusnya membentuk negara bangsa di Asia Tenggara pada hari ini. Hal yang sama turut berlaku di Kepulauan Borneo di mana Protokol Madrid 1885 telah menyebabkan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara diletakkan di bawah pengaruh British dan Filipina di bawah pengaruh Sepanyol. Hal ini jelas menunjukkan bahawa polisi kolonial Barat melalui pemeteraian perjanjian telah memberi impak yang signifikan terhadap Malaysia. Selain pemisahan Alam Melayu kepada negara-negara bangsa (*nation states*), penyelidikan ini juga mendapati kedatangan kuasa kolonial ini telah mewujudkan pertikaian wilayah antara Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia, Brunei dan Singapura termasuklah Thailand. Terdapat dua perjanjian yang diberi tumpuan iaitu perjanjian melibatkan British dan Belanda serta perjanjian antara British, Sepanyol dan Jerman.

### Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

Perjanjian Inggeris-Belanda yang juga dikenali sebagai Perjanjian London atau Perjanjian Anglo-Dutch telah dimeterai pada tahun 1824. Pemeteraian perjanjian ini adalah disebabkan persaingan pengaruh yang berlaku diantara kedua-dua kuasa kolonial iaitu British dan Belanda. Perjanjian ini menyebabkan wujudnya persempadanan pengaruh antara British dan Belanda di Alam Melayu. Sejarah penetapan perbatasan maritim di Selat Melaka dan Singapura hanya berlaku sejak zaman kedatangan British dan Belanda ke Alam Melayu. Perjanjian perbatasan maritim terawal di Asia Tenggara boleh dilihat menerusi Perjanjian British-Belanda 1824 yang telah membahagikan Alam Melayu kepada dua kawasan pengaruh di mana rantau Kepulauan Melayu di selatan Selat Singapura diletakkan di bawah pengaruh Belanda, manakala Semenanjung Tanah Melayu di bawah pengaruh British. Walau bagaimanapun, tidak terdapat kawasan perbatasan maritim tetap kerana perjanjian tersebut hanya menetapkan sfera pengaruh kedua-dua kawasan penjajah di Alam Melayu. Di Borneo pula, tindakan British meletakkan Borneo Utara di bawah perlindungan British menyebabkan berlakunya pertikaian dengan Belanda. Ini kerana, menurut kefahaman Belanda, tindakan British ini telah melanggar syarat Perjanjian 1824 iaitu had pengaruh di kawasan Kepulauan India di mana dalam Perkara III memberi jaminan bahawa tiada lagi monopoli atau pengecualian perdagangan dengan negara lain di Hindia Timur. Walau bagaimanapun, Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 tidak menyebut Borneo secara spesifik di dalam dokumen tersebut. Justeru, Belanda berdasarkan semangat perjanjian tersebut berhak mempertikaikan garis sempadan di Sungai Sibuko (Pejabat Rekod Awam, 1891, 20 Jun).

### Protokol Madrid 1885

Pada tahun 1877, *Gustavus Baron de Overbeck* telah menandatangani perjanjian pajakan kawasan melibatkan wilayah yang dimiliki oleh Sultan Brunei, Sultan Abdul Momin di bahagian pantai barat Borneo Utara (kawasan dari Teluk Gaya dan Teluk Sepanggar, Sungai Sulaman hingga ke Sungai Paitan dan Sungai Paitan hingga ke Sungai Sibuko) dengan bayaran sebanyak \$12000 (Pejabat Rekod Awam, 1877, 29 Disember). Bayaran tambahan sebanyak \$3000 setahun dibayar kepada Temenggung bagi kawasan meliputi

Benoni dan Kimanis (Pejabat Rekod Awam, 1877, 29 Disember). Kemudian, pada 1878, *Overbeck* sekali lagi menandatangani perjanjian dengan Sultan Sulu (Sultan Jamalul Alam) berhubung penyerahan Borneo Utara (meliputi kawasan dari Sungai Sibuku ke Sungai pandasan, Sugut, Bonggaya, Labok, Sandakan, Kinabatangan dan Moming termasuklah pulau-pulau sekitar Teluk Darvel (Pejabat Rekod Awam, 1878, 22 Januari). Kedua-dua perjanjian ini membolehkan *Overbeck* menguasai keseluruhan Borneo Utara. Walau bagaimanapun, hal ini mendapat tentangan daripada Sepanyol kerana Sepanyol telah memeterai perjanjian penyerahan antara Sepanyol dengan Sultan Sulu pada tahun 1851. Namun, Sultan Sulu beranggapan bahawa perjanjian tersebut hanya melibatkan Kepulauan Sulu dan tidak termasuk Borneo Utara. Pertikaian antara British dan Sepanyol akhirnya mencapai kemuncaknya apabila Perjanjian Protokol dimeterai di antara Britain, Jerman dan Sepanyol di Madrid pada 7 Mac 1885. Dalam perjanjian ini, persempadanan Filipina yang disahkan ialah sembilan batu dari Pantai Timur utara Borneo berlandaskan kepada peraturan antarabangsa. Hakikatnya, pemberian geran pajakan oleh Kesultanan Sulu kepada SBUB sebenarnya diatasi oleh Perjanjian Protokol ekoran daripada wujudnya Artikel III yang menyatakan pelepasan tuntutan terhadap kedaulatan wilayah utara Borneo (Pejabat Rekod Awam, 1878, 22 Januari).

### **Impak Kolonial ke atas Geopolitik Malaysia**

Malaysia terlibat dalam konflik pertikaian wilayah dengan negara-negara jiran seperti Filipina berhubung tuntutan ke atas Sabah. Indonesia pula berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Manakala, Singapura berkaitan pemilikan ke atas Pedra Branca. Brunei berhubung isu pemilikan daerah Limbang dan Thailand dengan penandaan sempadan negara. Pertikaian wilayah yang membentenggu negara-negara di Asia Tenggara (dalam kajian ini merujuk kepada Malaysia) merupakan legasi yang telah ditinggalkan oleh kuasa kolonial Barat. Ini kerana pemindahan kedaulatan daripada kuasa kolonial kepada negara-negara merdeka memberikan pengalaman bercampur baur bagi Asia Tenggara, dan kesan serta warisan daripada pemindahan ini telah meninggalkan sejumlah negara dengan penduduk yang berbeza-beza dan sempadan yang tidak jelas. Oleh itu, selepas berakhirnya era colonial, penetapan sempadan zaman kolonial mula dipertikaikan. Antaranya ialah tuntutan Filipina ke atas Sabah (The Straits Times, 1991, 29 September). Filipina telah memulakan tuntutan rasminya ke atas Sabah pada 22 Jun 1962 melalui *aide memoire* yang pertama kepada British melalui pejabat kedutaan di Manila. Meskipun berhadapan dengan tuntutan daripada Filipina selepas cadangan pembentukan Malaysia pada tahun 1961, Malaysia akhirnya berjaya dibentuk pada 16 September 1963. Hingga kini isu tuntutan ini masih kekal membentenggu hubungan Malaysia dan Filipina. Protokol Madrid 1885 yang ditandatangani tidak dapat menyelesaikan tuntutan walaupun ketika era kolonial British di Borneo Utara dan Sepanyol di Filipina. Namun, ianya hanya berjaya menamatkan pertikaian yang berlaku di antara British, Sepanyol dan Jerman. Bagi kes Pulau Sipadan dan Ligitan, pertikaian timbul antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1969 ketika kedua-dua negara menetapkan sempadan antara Kalimantan dan wilayah Malaysia Timur melibatkan kawasan melewati Pulau Sebatik yang terbahagi kepada dua. Pada tahun 1991, Indonesia membantah aktiviti Malaysia yang membangunkan Pulau Sipadan sebagai pusat pelancongan. Indonesia membuktikan hak ke atas kedua-dua pulau tersebut berdasarkan persetujuan antara British dan Belanda di London pada 29 Jun 1891 yang mentakrifkan sempadan Borneo (Berita Harian, 1994, 13 September). Manakala, Malaysia membuktikan hak pemilikan Pulau Ligitan dan Sipadan menerusi beberapa siri penyerahan kuasa. Pertama, penyerahan kuasa daripada Sultan Sulu kepada Sepanyol pada tahun 1878, yang seterusnya secara berperingkat diserahkan kepada Amerika Syarikat, United Kingdom dan Northern Ireland sehingga akhirnya diberi kepada Malaysia pada tahun 1963. Walau bagaimanapun, keputusan *International Court of Justice* (ICJ) mengesahkan bahawa kedua-dua pulau tersebut adalah hak milik Malaysia berdasarkan prinsip kawalan efektif. Ini kerana ICJ memperakarkan bahawa aktiviti pengutipan telur penyu yang telah disahkan oleh pihak berkuasa Borneo Utara di Pulau Ligitan dan Sipadan dan pembinaan rumah api oleh pihak berkuasa koloni Borneo Utara British di Pulau Sipadan pada tahun 1962 dan Pulau Ligitan pada tahun 1963. Penyelenggaraan kedua-dua rumah api itu kemudiannya diserahkan kepada pihak berkuasa Malaysia dari tahun 1963 (Banca, 2019).

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kedatangan kuasa Barat sejak abad ke-15 telah meninggalkan impak yang signifikan terhadap geopolitik Malaysia sehingga abad ke-20. Kedatangan Portugis telah menyebabkan kejatuhan Empayar Melaka pada tahun 1511. Manakala, kedatangan Belanda dan British pula telah menyebabkan perpecahan Alam Melayu, khususnya Empayar Johor-Riau kepada dua lingkungan pengaruh. Impak perpecahan ini telah menyebabkan wujudnya negara Malaysia dan Indonesia yang merdeka semasa era dekolonialisasi Barat. Selain itu, persaingan antara British dan Sepanyol ke atas Borneo Utara juga menyebabkan Malaysia berhadapan dengan cabaran dan masalah geopolitik sehingga kini. Sebagai rumusannya, kedatangan kuasa-kuasa kolonial ini telah menyebabkan berlakunya perubahan ke atas politik dan geografi Malaysia. Ini kerana dasar dekolonialisasi Barat telah mewujudkan negara bangsa serta penetapan sempadan antara negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Pada masa yang sama, kuasa kolonial ini juga turut mewariskan isu pertikaian wilayah seperti tuntutan Filipina ke atas Sabah serta tuntutan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan. Dalam pada itu, perjanjian-perjanjian yang dimeterai semasa era kolonial Barat masih relevan digunakan dalam isu pertikaian. Misalnya, semasa perbicaraan mengenai pemilikan ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan yang akhirnya memihak kepada Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah, A.R.T., & Wan Hassan, W. S. (2015). Elemen Sejarah dalam pembentukan negara: Kemunculan negara bangsa di Eropah dan proses kolonialisasi dan dekolonialisasi dalam konteks Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 57–71.
- Arasaratnam, S. (1973). Monopoly and free trade in Dutch-Asian commercial policy: Debate and controversy within the VOC. *Journal of Southeast Asian Studies*, 4(1), 1-15.
- Arifin, A. (2020). Konflik antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan kejatuhan Kota Melaka 1511. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 25-62.
- Azad, M. A. (2009). Portuguese-Dutch rivalry in Southeast Asia. *The Dhaka University Studies*, 66(2), 21-34.
- Ballard, G. A. (1926). The arrival of the Dutch and British in the Indian Ocean. *The Mariner's Mirror*, 12(1), 69-94.
- Banca, P. (2019). Tuntutan undang-undang dan pendekatan Malaysia di dalam kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca. *Akademika*, 89(1).
- Berita Harian. (1994, 13 September). *Huraian munasabah tuntutan wilayah: Sorotan serantau*, 4. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/beritaharian19940913-1.2.13.2>
- Bonney, R. (1965). Francis Light and Penang. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 38(1 (207)), 135-158.
- Borschberg, P. (2013). From self-defense to an instrument of war: Dutch privateering around the Malay Peninsula in the early seventeenth century. *Journal of Early Modern History*, 17(1), 35-52.
- Buduroh, M., & Susamto, D. (2022). Spices trade and social-political conflict at Molucca in the literature. *9th Asbam International Conference (Archeology, History, & Culture in the Nature of Malay) (ASBAM 2021)* (pp. 753-759). Atlantis Press.
- Chai, L. T. (2011). Culture heritage tourism engineering at Penang: Complete the puzzle of “the pearl of orient”. *Systems Engineering Procedia*, 1, 358-364.
- Chin, J. (2011). History and context of public administration in Malaysia. In *Public administration in Southeast Asia: Thailand, Philippines, Malaysia, Hong Kong, and Macao* (pp. 141-154). Singapura: Taylor & Francis Group.
- Coolhaas, W. P. (1965). Malacca under Jan Van Riebeeck. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 38(2 (208)), 173-182.
- Cowan, C. D. (2021). Early Penang and the rise of Singapore, 1805–1832. *South East Asia Colonial History*, 2, 227-241.
- Dobby, E. H. (1939). Settlement and land utilization, Malacca. *The Geographical Journal*, 94(6), 466-478.
- Fook-Seng, P. L. (1972). Malay precedence and the federal formula in the Federated Malay States, 1909 to 1939. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 45(2), 29-50.
- Hing, L. K. (1996). Jan Compagnie in the Straits of Malacca, 1641-1795. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 69(2), 125-127.
- Husain, W. A., Anwar, O. M., Zakaria, Z., Abd Rashid, I. M., Nasir, N. M., & Samah, I. H. (2021). The Malay Sultanates as the Impetus for the Formation of Malaysia. *Psychology and Education Journal*, 58, 5820-5827.
- Irwin, G. (1956). Governor Couperus and the surrender of Malacca, 1795. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 29(3), 86-133.
- Kennedy, R. (1945). Status of British Borneo. *Far Eastern Survey*, 14(17), 243-246.
- Kheng, C. B. (2012). Ming China's support for Sultan Mahmud of Melaka and its hostility towards the Portuguese after the fall of Melaka in 1511. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 85(2), 55-77.

- Kim, K. K. (1983). Succession to the Perak Sultanate. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 56(2), 7-29.
- Lasmi, L., & Ishak, S. (2023). Implikasi Perjanjian London 1824 terhadap persempadan dan ekonomi Pulau Sebatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 239-270.
- Leupe, P. A. (1936). The siege and capture of Malacca from the Portuguese in 1640-1641: Extracts from the archives of the Dutch East India Company. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(1), 1-2.
- Lim, T. G. (1977). *Peasants and their agricultural economy in Colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Liu, J. H., Lawrence, B., Ward, C., & Abraham, S. (2002). Social representations of history in Malaysia and Singapore: On the relationship between national and ethnic identity. *Asian Journal of Social Psychology*, 5(1), 3-20.
- Lobato, M. (2012). 'Melaka is like a cropping field' Trade Management in the Strait of Melaka during the Sultanate and the Portuguese Period. *Journal of Asian History*, 46(2), 225-251.
- Mail, H. A., & Tinkong, H. R. (2018). The issue of justice and injustice in Malacca sultanate, 1400–1511 AD. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 6(1), 1-26.
- McRoberts, R. W. (1984). An examination of the fall of Melaka in 1511. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 57(1 (246)), 26-39.
- Meilink-Roelofsz, M. A. (1969). The private papers of Artus Gijssels as source for the history of East Asia. *Journal of Southeast Asian History*, 10(3), 540-559.
- Mohamad Saleeh, R. (2009). Pengaruh Barat dalam persuratan Melayu awal di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*, 11(1), 113-132.
- Muhammad Aslah, A.A., Azharudin, M. D., & Salina, Z. (2023). Pertikaian Inggeris-Belanda di Hindia Timur dan usaha penyelesaiannya melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 50 (1), 30-51.
- Musa, M., & Feng, K. L. (2016). Initiating an oral history project in a multicultural UNESCO world heritage site of George Town, Penang, Malaysia: Challenges and outcomes. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 34(2), 123–143.
- Nur Hafizah, H., & Adnan, J. (2023). Perkembangan perlombongan bijih timah era kolonial British dan kesannya di Selangor 1901-1951. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 7(1).55-75.
- Nurdiyawati, A., & Adnan, Jusoh. (2021). Kesan pemerintahan kolonial terhadap kegiatan ekonomi masyarakat Melayu di Melaka hingga era kemerdekaan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(2), 29-46.
- Pejabat Rekod Awam. (1877, 29 September). (1877). *Grant by Sultan of Brunei of Territory the Sulaman River to the River of Paitan* (CO 874/54). Sabah: Arkib Negara.
- Pejabat Rekod Awam. (1877, 29 September). *Grant by Pengiran Temenggung of Brunei of Provinces of Kimanis dan Benoni* (CO 874/54). Sabah: Arkib Negara.
- Pejabat Rekod Awam. (1878, 22 Januari). (1878). *Grant by Sultan Sulu of Territories and Lands on the Mainland of the Island of Borneo* (CO 874/54). Sabah: Arkib Negara.
- Pejabat Rekod Awam. (1891, 20 Jun.). *Convention between The United Kingdom and The Netherland Relating to The Boundaries between The State of North Borneo and The Netherland Defining Boundaries in Borneo* (CO874/503). Sabah: Arkib Negara.
- Raja, S. S. (2015). The early British administrators in the Malay states, 1874-1909. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 24(1), 1-10.
- Rudner, M. (1976). The structure of government in the Colonial Federation of Malaya. *Japanese Journal of Southeast Asian Studies*, 13(4), 495-512.
- Skinner, A. M. (1882). Outline history of the British connection with Malaya. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 10(December), 269-280.
- Sulaiman, Y., & Bala, B. (2019). Maharaja Overbeck: Satu pandangan mengenai hak dan kedudukan pemerintah Borneo Utara (1877-1881). *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 5(1). 120-139.
- Swastiwi, A. W., Gunawan, D., & Yahya, G. Y. (2022). Indonesia-Malaysia-Singapore relations before the 1824 Treaty of London. *Proceedings of the 1st International Conference on Social-Humanities in Maritime and Border Area, SHIMBA 2022* (pp. 1-12). Tanjung Pinang: European Alliance for Innovation.
- Taylor, A. H. (1950). The battle of Trafalgar. *The Mariner's Mirror*, 36(4), 281-321.
- Teh, W. H. (2019). Rise and fall of the kingdom of Malacca in the context of Ibn Khaldun's cyclical theory. *Zulfaqar Journal of Defence Management Social Science & Humanities*, 2(2), 86-95.
- The Singapore Free Press. (1961, 30 Disember). 1961: An eventful year for Singapore. 2-3. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/freepress19611230-1.2.48>
- The Straits Times. (1991, 29 September). The disputes a colonial Legacy, 31. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/newnation19730222-1.2.54>
- Thornton, H. (2004). Hugo Grotius and the freedom of the seas. *International Journal of Maritime History*, 16(2), 17-38.

- Turnbull, C. M. (1970). Convicts in the Straits Settlements 1826-1867. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(1), 87-103.
- Wallace, A. R. (2022). *The Malay Archipelago*. Dover Publications. Retrieved from <https://www.perlego.com/book/113165/the-malay-archipelago-a-travel-narrative-pdf>.
- Wilkinson, R. J. (1912). The Capture of Malacca, AD 1511. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 61, 71-76.
- Williamson, F. (2015). Weathering the empire: Meteorological research in the early British Straits Settlements. *The British Journal for the History of Science*, 48(3), 475-492.
- Winstedt, R. O. (1932). The Bendaharas and Temenggongs. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 10(1 (113)), 55-66.